

Akta Hasutan tidak dimansuh jika Ahli Parlimen BN bersatu

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Akta Hasutan 1948 tidak akan dimansuh atau digantikan dengan undang-undang baharu sekiranya setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang mempunyai kuasa majoriti di Dewan Rakyat bersatu untuk mengekalkannya.

Ahli Jawatankuasa Unit Perundangan Biro Perlembagaan UMNO, Ahmad Shuaib Ismail berkata, kelangsungan akta tersebut terletak di tangan wakil rakyat BN yang telah diberi hak oleh rakyat melalui amalan sistem demokrasi.

Sehubungan itu, katanya, desakan supaya dimansuhkan akta yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan tersebut hanya bermotif politik semata-mata dan datang daripada suara minoriti.

“Konsep sama ada akta ini kekal atau tidak ditentukan oleh suara majoriti, justeru siapa yang mendesak untuk menghapuskannya tidak mempunyai pilihan apa-apa kerana mereka hanyalah suara minoriti di dalam Dewan Rakyat.

“Terpulang kepada pihak yang berkuasa untuk menggubal undang-undang sebegini, bergantung kepada hak majoriti (suara rakyat) dan 222 Ahli Parlimen dilantik melalui pilihan raya atau sistem

demokrasi negara,” katanya.

Ahmad Shuaib berkata demikian ketika menjawab soalan seorang pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), ketika menjadi ahli panel Forum Survival Bangsa Malaysia di universiti, itu malam tadi.

Turut menjadi ahli panel ialah Pengerusi Jawatankuasa Himpunan Ulama Muda (Ilmu), Dr. Fathul Bari Mat Jahaya; Presiden Aktivistik Belia Tanahair (Abata), Airinizam Ibrahim dan Pengarah Bahagian Modal Insan, Biro Tata Negara Jabatan Perdana Menteri, Dr. Roslan Hussin.

Mengulas lanjut, Ahmad Shuaib berkata, gerakan memansuhkan Akta Hasutan 1948 sebenarnya didukung oleh kumpulan berkepentingan peribadi yang cuba mengganggu-gugat perpaduan negara dan golongan itu adalah penghasut sebenar.

Ini kerana, katanya, akta berkenaan yang bersifat inklusif menjaga kepentingan keseluruhan rakyat Malaysia tidak kira masyarakat Orang Asli, Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina, India atau kaum lain.

“Akta ini bukan untuk orang Melayu sahaja kerana jika seseorang itu menghina sami China atau Hindu, mereka juga akan dihukum mengikut peruntukan yang ada,” katanya.